

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

66.9 peratus doktor akui pernah kena buli

Kajian MMA dapati pelatih paling ramai melalui pengalaman pahit

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 66.9 peratus doktor di negara ini mengaku pernah melalui pengalaman dibuli atau diganggu ketika bertugas di sektor awam dengan golongan paling ramai berdepan situasi itu adalah mereka yang berusia antara 26 hingga 35 tahun.

Berdasarkan statistik hasil kajian Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), sebanyak 52.9 daripada 66.9 peratus doktor dalam lingkungan usia terbabit iaitu mereka yang selalunya berada pada fasa doktor pelatih melalui pengalaman pahit itu.

Kajian terbaharu itu dijalankan MMA secara dalam talian membabitkan 1,800 responden dalam kalangan doktor pelatih, pegawai perubatan dan pakar muda berusia di bawah 26 tahun hingga 46 tahun ke atas.

Presiden MMA, Prof Datuk Dr Subramaniam Muniandy, berkata kesan perbuatan itu, sebanyak 75 peratus responden ketika ditanya mengakui hilang minat untuk bekerja dan 80 peratus mengakui selalu berada dalam kebimbangan.

Beliau berkata, 50 peratus responden yang ditanya tidak bersemangat untuk membantu orang lain, 48 peratus mengurangkan masa mereka di tempat kerja, 38 peratus mengurangkan kualiti mereka di tempat kerja.



Hilang minat bekerja dan selalu berada dalam kebimbangan antara dapatan kajian terhadap doktor yang pernah dibuli ketika bertugas. (Foto hiasan)

"Hasil kajian dilakukan MMA mendapati, 61.96 peratus berdepan pembulian secara emosi, 20.08 secara fizikal, 7.89 peratus secara lisan, 5.39 peratus secara seksual dan 4.68 peratus lain-lain.

"Agak mengejutkan apabila perbuatan buli atau gangguan ini turut dialami golongan doktor yang sudah lama bekerja iaitu berusia 46 tahun ke atas iaitu 1.4 peratus daripada keseluruhan responden.

"Sebanyak 6.7 peratus kes buli atau gangguan pula membabitkan golongan doktor di bawah usia 26 tahun dan 5.9 peratus pula berusia 36 hingga 45 tahun," katanya kepada BH, di sini.

Pada masa sama, Dr Subramaniam berkata, daripada 66.9 peratus responden yang berdepan situasi dibuli atau diganggu, 43.1 peratus membabitkan doktor wa-

nita, sekali gus menunjukkan golongan itu paling terdedah untuk berdepan risiko berkenaan.

Beliau berkata, 53 peratus perbuatan itu dilakukan doktor di tempat kerja, manakala enam peratus bukan dalam kalangan doktor dengan baki 41 peratus diakui dilakukan oleh kedua-dua golongan itu.

Pada masa sama, Dr Subramaniam berkata, kes buli membabitkan doktor pelatih atau junior sudah kerap dilaporkan dan sudah tiba masanya kerajaan mengambil tindakan disiplin serius terhadap pelaku termasuk ditamatkan perkhidmatan mereka.

"Sudah banyak kes buli dan gangguan dilaporkan termasuk sebelum ini membabitkan gangguan seksual dan buli oleh seo-

rang ketua jabatan ortopedik di sebuah hospital di Lembah Klang, namun tiada tindakan tegas diambil terhadap pelaku," katanya.

Susulan itu, beliau berkata, MMA dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mewujudkan talian komunikasi dikenali sebagai 'HELPDOC' sebagai inisiatif untuk membantu golongan doktor yang berdepan masalah di tempat kerja termasuk dibuli atau diganggu.

Katanya, sejak diwujudkan pada 2017, hingga kini pihaknya menerima kira-kira 100 aduan direkodkan daripada doktor.

"Sebaik menerima aduan, maklumat akan dihantar kepada pasukan petugas dan kemudian dibawa ke peringkat seterusnya termasuk KKM, sebelum isu dise-



Sudah banyak kes buli dan gangguan dilaporkan, termasuk sebelum ini membabitkan gangguan seksual dan buli oleh seorang ketua jabatan ortopedik di sebuah hospital di Lembah Klang, namun tiada tindakan tegas diambil terhadap pelaku.

Dr Subramaniam Muniandy,
Presiden MMA

lesaikan dalam tempoh biasanya dua minggu," katanya.

Rabu lalu, media melaporkan seorang bekas doktor pelatih berusia 20-an ditemui mati di kediamannya di Bukit Jambul di Pulau Pinang, dipercayai membunuh diri, tiga minggu selepas berhenti kerja.

Mangsa yang melanjutkan pelajaran di Manipal Medical Institute dan tamat pengajian pada 2018, dilaporkan berhenti kerja sebagai doktor pelatih di sebuah hospital awam di Pulau Pinang dipercayai tidak tahan akibat dibuli.

Seorang doktor yang enggan dikenali dipetik sebagai berkata, kes buli doktor pelatih sudah berlaku sejak sekian lama berikutan persekitaran kerja yang membebankan.

MMA saran audit khidmat perubatan dalam talian

Kuala Lumpur: Aspek kawal selia perlu dilaksanakan secara menyeluruh membabitkan perkhidmatan kesihatan dalam talian memandangkan ia digunakan secara meluas dan menjadi satu norma baharu berikutan pandemik COVID-19.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Prof Datuk Dr Subramaniam Muniandy mencadangkan proses audit dijalankan oleh pihaknya dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi memastikan keselamatan pesakit sentiasa terjamin.

"Walaupun perundingan kesihatan secara dalam talian menjadi antara perkara penting dalam fasa pandemik, ia mesti mengikut standard tertinggi dan ketat bagi perlindungan data, pertimbangan undang-undang serta etika perubatan.

"Doktor yang menawarkan perkhidmatan dalam talian mesti mengetahui had konsultasi dalam talian dan menasihati pesakit supaya melakukan rawatan secara bersemuka bagi kes membabitkan pe-

meriksaan fizikal atau sekiranya terdapat gangguan juga halangan komunikasi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Subramaniam berkata, penyelesaian pengguna yang kini boleh mendapatkan rawatan doktor tanpa bersemuka tidak sewajarnya memberi implikasi negatif terhadap keselamatan dan kesihatan pesakit serta orang awam.

"Perundingan dan preskripsi ubat-ubatan secara dalam talian tidak sepatutnya digunakan untuk memudahkan pesakit yang

boleh mendapatkan bekalan tanpa melalui proses konsultasi dan menjalani penilaian daripada aspek kesihatannya.

"Majlis Perubatan Malaysia mempunyai kod etika ketat dan ia mesti dipatuhi setiap doktor berdaftar di negara ini," katanya.

Beliau berkata, penjualan ubat-ubatan adalah tertakluk kepada Akta Racun 1952 dan peraturan di bawahnya.

"Sebarang pelanggaran daripada peraturan menerusi akta ini berkemungkinan mengancam

nyawa pesakit dan tertakluk kepada undang-undang.

"Bekalan ubat bagi penyakit tidak berjangkit seperti darah tinggi, kencing manis dan hiperkolesterolemia perlu disertai sesi kaunseling, pemeriksaan serta ujian kesihatan bagi memastikan kesihatan pesakit berada di tahap optimum," katanya.

Katanya, taktik pengkomersialan dalam perkhidmatan kesihatan secara dalam talian tidak boleh sesekali berkompromi dengan nilai etika yang ketat.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Kluster Tembok Gajah meningkat 634 kes

Johor Bahru: Kluster Tembok Gajah yang membabitkan penjara terus mencatat peningkatan kes positif COVID-19 dengan 643 kes di negeri ini, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R Vidyantathan, berkata ini membabitkan 597 banduan dan 35 kakitangan penjara serta keluarga mereka.

Katanya, tindakan pencarian kes secara aktif oleh Jabatan Kesihatan Johor bagi mengekang penularan masih dilakukan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) Kompleks Penjara Kluang, bermula 19 Disember lalu.

"Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) diwujudkan dalam Kompleks Penjara Kluang bagi merawat pesakit COVID-19 tanpa gejala dan gejala ringan.

"Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sudah mengumumkan PKPD di asrama pekerja Westlite, di Taman Perindustrian Tampoi Jaya, di sini.

"Ia susulan peningkatan kes COVID-19 yang dilaporkan dalam kalangan penghuni di situ. Sehingga semalam (kelmarin), terdapat 115 kes positif daripada 3,116 penghuni di asrama itu.

"PKPD ini berkuat kuasa bermula hari ini (semalam) sehingga 8 Januari depan membabitkan 231 unit rumah," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Vidyantathan berkata, setakat kelmarin, terdapat 205 kes baharu COVID-19 yang dilaporkan di Johor.

Katanya, ini membabitkan 153 kes daripada kluster sedia ada, 37 kes daripada saringan kontak rapat dan 15 kes daripada saringan lain.

"Ini menjadikan kes kumulatif COVID-19 dilaporkan sebanyak 4,026 kes dengan 21 kluster aktif," katanya.

Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 diwujudkan dalam Kompleks Penjara Kluang bagi merawat pesakit COVID-19 tanpa gejala dan gejala ringan.

R Vidyantathan,
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor

Penularan COVID-19

Jangkitan baharu catat rekod tertinggi 2,335 kes

11 kluster baharu dikesan hasil saringan bersasar di tempat kerja, individu bergejala

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jangkitan baharu COVID-19 mencatat rekod tertinggi semalam dengan 2,335 kes termasuk 1,438 kes daripadanya di Kuala Lumpur dan Selangor.


Sebelum ini, negara mencatat jangkitan tertinggi pada 10 Disember lalu, iaitu 2,234 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan jumlah baharu semalam menjadikan jumlah kumulatif di Malaysia 103,900 kes.

Katanya, Kuala Lumpur mencatatkan jumlah kes harian tertinggi, iaitu 728 kes, diikuti Selangor dengan 710 kes dan Johor 412 kes.

Beliau berkata, ada 11 kes import semalam, iaitu jangkitan dari luar negara.

"Pertambahan kes baharu ini menjadikan jumlah kes aktif de-



Kakitangan pawagam Golden Screen Cinema di pusat beli-belah di Putrajaya melakukan kerja sanitasi sebelum pawagam dibuka kepada orang awam, kelmarin. (Foto BERNAMA)

ngan kebolehjangkitan di negara ini sebanyak 20,035 kes.

"Seramai 108 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 50 daripadanya masih memerlukan bantuan pernafasan," katanya di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat dua kes kematian semalam menjadikan jumlah kes kematian disebabkan COVID-19 sebanyak 451 kes, bersamaan 0.43 daripada

jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, 874 pesakit pulih semalam menjadikan jumlah terkumpul pesakit pulih seramai 83,414 orang, bersamaan 80.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 11 kluster baharu semalam, iaitu masing-masing dua kluster di Selangor, Pulau Pinang, Johor, Ke-

lantang dan Pahang serta satu di Kuala Lumpur.

Dr Noor Hisham berkata, kebanyakan kluster yang dikesan hasil saringan bersasar di tempat kerja dan saringan individu bergejala.

Katanya, di Kuala Lumpur kluster yang dikesan dikenali sebagai Kluster Jalan Bina Sempeng di Titiwangsa yang sudah menjangkiti 232 individu, manakala dua kluster di Selangor dikenali sebagai Kluster Plastik Subang dan Kluster Jalan Asam.

"Kluster di Pulau Pinang pula dikenali sebagai Kluster Lis Putih di daerah Barat Daya dan Kluster Sentosa Residensi di daerah Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah.

"Kluster di Johor dikenali sebagai Kluster Pagar Siput di daerah Kota Tinggi dan Kluster Sungai Redan di Kluang. Selain itu, Kelantan turut mencatatkan kluster baharu, iaitu Kluster Seragam Chepa yang dikesan di daerah Kota Bharu, Bachok dan Tumpat serta Kluster Haban," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kluster di Pahang pula dikesan di daerah Bentong yang dinamakan sebagai Kluster Pagar Bentong dan Kluster Semambu di Kuantan.

687 kena tindakan babit aktiviti pusat hiburan

Kuala Lumpur: Polis menahan 1,002 individu kerana ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Daripada jumlah itu, 687 individu dikenakan tindakan kerana terbabit dengan aktiviti pusat hiburan, kelmarin.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata daripada jumlah keseluruhan tangkapan, 854 individu dikenakan kompaun, manakala 148 individu lagi direman.

Katanya, antara kesalahan PKP termasuk aktiviti pusat hiburan (687), gagal mematuhi arahan penjarakan fizikal (125), tidak memakai pelitup muka (69), gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (63) dan lain-lain (58).

"Semalam (kelmarin), pasukan

petugas operasi mematuhi diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuat 49,603 pemeriksaan bagi memantau dan menguatkuasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) PKPP.

"Sebanyak 2,454 pasukan mematuhi membabitkan 10,632 anggota membuat pemantauan di 3,579 pasar raya; 4,656 restoran dan 1,852 penjaja; 1,118 kilang; 3,314 bank dan 498 pejabat kerajaan.

"Pemantauan turut dibuat ke atas 1,076 terminal pengangkutan darat, 195 terminal pengangkutan air dan 102 terminal pengangkutan udara," katanya semalam.

Ismail Sabri berkata, 35 orang pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan menerusi Operasi Benteng (Op Benteng), kelmarin dalam usaha mengekang jenayah rentas sempadan dan penularan

wabak COVID-19.

Beliau berkata, pihak berkuasa turut merampas tiga kenderaan darat dalam operasi berkenaan.

"Pasukan keselamatan daripada PDRM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) mengadakan 115 sekatan jalan raya.

"Sebanyak 43 sekatan jalan raya dilaksanakan pasukan ATM, PDRM dan RELA menerusi Op Penawar, 63 sekatan jalan raya menerusi Op Benteng PDRM dan sembilan sekatan jalan raya menerusi Op Benteng AKSEM," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan 23 operasi

sanitasi di lima negeri serta Putrajaya, kelmarin.

"Operasi membabitkan lapan zon merah, empat zon jingga, lima zon kuning dan satu di zon hijau.

"Sebanyak 11 operasi dilakukan di Sabah, masing-masing empat operasi di Johor dan Melaka, dua operasi di Terengganu dan satu operasi di Kelantan dan Putrajaya," katanya.

Beliau berkata, 92,607 individu yang pulang dari luar negara melalui pintu masuk antarabangsa menjalani kuarantin wajib sejak 24 Julai lalu sehingga kelmarin.

Daripada jumlah itu, katanya, seramai 7,206 individu sedang menjalani kuarantin, manakala 536 individu dihantar ke hospital untuk rawatan dan 84,865 individu dibenarkan pulang.

Terkini COVID-19 874 pulih, dibenar keluar hospital, semalam | 2,335 kes baharu disahkan, semalam | 451 jumlah kematian dicatat | 103,900 jumlah kes disahkan positif | 20,035 kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : DUNIA

Asia Barat laksana semula sekatan

Ambil langkah proaktif cegah penularan varian baharu COVID-19

Kaherah: Banyak negara di Asia Barat mula melaksanakan langkah sekatan baharu susulan penularan varian baharu COVID-19.

Turki kelmarin merekodkan 17,542 kes, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan mencecah 2,118,255 jangkitan.

Negara itu mencatatkan 256 kematian, menjadikan jumlah maut akibat pandemik itu seramai 19,371 orang.

Antara langkah diambil Turki bagi mengawal dan membendung jangkitan adalah mewajibkan

penumpang antarabangsa mengemukakan rekod keputusan negatif COVID-19 bermula esok, 72 jam sebelum penerbangan.

Syarat sama dikenakan bagi penumpang antarabangsa yang menggunakan perkhidmatan darat dan air bermula Rabu ini.

Mereka yang tidak menjalani ujian saringan dikehendaki menjalani kuarantin di alamat penempatan di Turki.

Di Iraq, pihak berkuasa mengenakan sekatan baharu dengan melarang perjalanan antaranya ke Britain, Afrika Selatan, Australia, Denmark, Belanda, Belgium, Iran dan Jepun.

Pihak berkuasa turut melarang kemasukan pengembara dari lapangan negara terbabit, kecuali rakyat Iraq yang mesti menjalani kuarantin selama 14 hari sehingga ujian saringan membuktikan me-

reka tidak dijangkiti virus.

Perjalanan rentas sempadan melalui jalan darat juga digantung, namun bergantung kepada tujuan seperti kecemasan dan pertukaran perdagangan.

Pusat beli-belah, restoran dan kemudahan lain ditetapkan beroperasi bermula jam 7 pagi sehingga 6 petang dalam tempoh dua minggu sejak Khamis lalu.

Di Palestin, negara yang merekodkan 1,189,203 kes positif COVID-19, mengenakan perintah berkurung bermula pagi esok.

Justeru, kedai dan restoran perlu ditutup kecuali farmasi serta bakeri.

Sementara itu di Iran, sebanyak 6,021 kes jangkitan baharu direkodkan dalam tempoh 24 jam lalu, meningkat sehingga 1,189,203 kes di seluruh negara setakat ini. BERNAMA



Penumpang dari London jalani ujian saringan di Lapangan Terbang Istanbul, Turki, Isnin lalu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : DUNIA

Jangkitan di Thailand meningkat, 31 wilayah berisiko

Bangkok: Sebanyak 110 kes positif baharu COVID-19 direkodkan Thailand dengan 64 daripadanya ialah jangkitan tempatan dan mempunyai kaitan dengan penularan di barat daya Samut Sakhon.

Berdasarkan jumlah jangkitan baharu itu, jurucakap pasukan petugas Khas COVID-19 Thailand, Dr Taweessin Wisanuyothin, berkata 30 kes membabitkan pekerja asing, manakala 16 lagi kes import.

Kes COVID-19 di Negara Gajah Putih itu, kelmarin menunjukkan peningkatan apabila lebih banyak wilayahnya dikategorikan sebagai zon kuning dan jingga.

Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA), Khamis lalu, mengambil keputusan untuk mewartakan wilayah mengikut warna iaitu merah, jingga, kuning atau hijau, yang bergantung kepada tahap risiko wabak serta usaha dilakukan di setiap kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, pusat pentadbiran itu tidak menjelaskan pertimbangan yang diambil untuk mewartakan setiap wilayah mengikut warna tertentu.

Beberapa pegawai rasmi kesihatan berkata, kategori warna itu dibuat mengikut jumlah pesakit COVID-19 yang dicatatkan bagi setiap wilayah.

Daripada 32 wilayah yang disahkan mempunyai rekod positif COVID-19, hanya Samut Sakhon dikategorikan sebagai zon merah.

Zon jingga yang mempunyai jumlah kes lebih 10 pula membabitkan Bangkok, Samut Songkhram, Ratchaburi, Nakhon Pathom, Nonthaburi dan Samut Prakan.

Saraburi, Suphanburi, Pathum Thani, Uttaradit, Kamphaeng Phet, Phetchabun, Chachoengsao, Ayutthaya, Phuket, Phetchaburi, Nakhon Ratchasima, Prachinburi, Krabi, Khon Kaen, Chai Nat, Udon Thani, Phichit, Nakhon Si Thammarat, Surat Thani, Prachuap Khiri Khan, Chaiyaphum, Nakhon Sawan, Ang Thong, Ubon Ratchathani, Songkhla dan Loei, pula dikategorikan sebagai zon kuning kerana mempunyai kurang 10 kes.

Tiga lagi wilayah dikategorikan zon hijau selepas tidak merekodkan sebarang kes positif COVID-19 sejak gelombang penularan baharu tercetus di Thailand.

Thailand setakat ini mempunyai 6,020 kes positif dan 60 kematian. AGENSI

Penularan COVID-19

Kes pertama varian baharu dikesan di Jepun

5 individu disahkan positif selepas saringan di lapangan terbang

Tokyo: Jepun mengesahkan kes domestik pertama varian baharu COVID-19 yang sebelum ini dikesan menular di Britain, kata Kementerian Kesihatan, kelmarin.

Lima individu disahkan positif varian baharu COVID-19 yang

mudah berjangkit itu, selepas menjalani saringan di lapangan terbang sebaik tiba di Jepun dari Britain antara 18 Disember hingga Isnin lalu, lapor Jiji Press yang memetik Kementerian.

Seorang daripada individu dijangkiti, iaitu lelaki berusia 60 tahun, mengadu kepenatan, manakala empat yang lain tidak bergejala, kata Kementerian Kesihatan Jepun.

Laporan itu tidak mendedahkan kewarganegaraan lima individu berkenaan, namun lelaki berusia 60 tahun itu adalah penduduk Tokyo, manakala tiga lagi individu yang tiba di lapangan

terbang Kansai dipercayai menetap di Osaka.

Dalam satu sidang media, Menteri Kesihatan, Norihisa Tamura, berkata kelima-lima individu itu menetap di kemudahan disediakan dan berkemungkinan tidak menjangkiti orang lain di Jepun kerana jangkitan mereka dikesan di lapangan terbang.

Varian baharu itu dilaporkan 70 peratus lebih mudah menjangkiti berbanding virus asal, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Varian itu turut disahkan dikesan di Afrika Selatan.

Susulan itu, Jepun memperke-

tatkan sekatan kemasukan untuk pengunjung dari Britain dan Afrika Selatan bermula semalam.

Individu dari dua negara berkenaan akan diwajibkan menetap di kemudahan disediakan selama tiga hari selepas tiba ke Jepun.

Mereka perlu menjalani ujian saringan pada hari keempat dan dikuarantin selama 14 hari, termasuk jika didapati negatif.

Tempahan baharu untuk penerbangan dari Britain akan digantung selama seminggu.

Varian baharu COVID-19 itu turut disahkan dikesan di Itali, Belanda, Denmark dan Hong Kong. BERNAMA



Lima individu disahkan positif varian baharu COVID-19 yang dikesan di Jepun yang sebelum ini menular di Britain.

20 doktor di Nigeria maut dalam seminggu

Ankara: Sekurang-kurangnya 20 doktor Nigeria meninggal dunia minggu lalu selepas dijangkiti COVID-19, lapor media.

"Bagi mereka yang berada dalam sektor kesihatan, kita kehilangan sejumlah rakan kita.

"Di seluruh negara, kita kehilangan sekurang-kurangnya 20 doktor minggu lalu," lapor portal *Premium Times* yang memetik Pengerusi Persatuan Perubatan Nigeria (NMA), Enema Amodu.

Agensi Anadolu melaporkan, ramai doktor tidak memiliki kelengkapan perlindungan diri (PPE) untuk merawat pesakit

dan lebih 1,000 petugas kesihatan dilaporkan dijangkiti COVID-19.

Setakat 2 Jun lalu, seramai 812 petugas kesihatan Nigeria disahkan positif virus itu, kata Menteri Kesihatan Nigeria, Osagie Ehanire.

Setakat Julai lalu, lebih 10,000 petugas kesihatan di 40 negara Afrika dijangkiti wabak itu, lapor *Premium Times* yang memetik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pusat Kawalan Penyakit Nigeria (NCDC) merekodkan 1,242 kematian; 81,963 jangkitan dan 69,651 individu pulih di 36 negeri sejak virus itu kali pertama dikes-

san pada Mac lalu.

Lonjakan jangkitan kini direkodkan di negara Afrika paling ramai penduduk itu susulan Nigeria dilanda gelombang kedua COVID-19.

NCDC merekodkan enam kematian dan 1,041 kes akibat jangkitan COVID-19 pada Khamis lalu.

Virus itu mula dilaporkan di Wuhan, China, Disember tahun lalu sebelum merebak ke seluruh dunia.

Lebih 79.7 juta individu dijangkiti dan 1.74 juta kematian dilaporkan, menurut Universiti Johns Hopkins. BERNAMA

Bagi mereka yang berada dalam sektor

kesihatan, kita kehilangan sejumlah rakan kita. Di seluruh negara, kita kehilangan sekurang-kurangnya 20 doktor minggu lalu.

Enema Amodu, Pengerusi Persatuan Perubatan Nigeria (NMA)


AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : DUNIA



Menjelang Mac COVID-19 diisytihar sebagai pandemik dan sebulan kemudian hampir separuh manusia berada dalam perintah berkurung dalam usaha kerajaan seluruh dunia menghentikan penularan wabak tu.



Pilihan Raya Presiden AS antara calon Republikan, Trump dan calon Demokrat, Biden, November lalu menyaksikan pelbagai 'drama' Trump.

COVID-19, Trump dan Black Lives Matter gemparkan 2020

Paris: Pandemik COVID-19 banyak memberi kesan sepanjang 2020, selain menyaksikan Presiden Donald Trump dikalahkan Joe Biden dalam Pilihan Raya Amerika Syarikat (AS) dan gerakan Black Lives Matter yang menggemparkan dunia.

Berikut adalah beberapa peristiwa penting tahun ini:

Pada 11 Januari lalu, kurang daripada dua minggu selepas menyedari kluster kes radang paru-paru 'tidak diketahui punca', Beijing mengumumkan kematian pertamanya akibat COVID-19.

Menjelang Mac lalu, wabak terbahit diisytihar sebagai pandemik dan sebulan kemudian hampir separuh manusia berada dalam perintah berkurung dalam usaha kerajaan menghentikan penularannya.

Program bantuan negara secara besar-besaran dilancarkan bagi menyelamatkan pekerjaan apabila Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan kemelesetan dengan ekonomi global susut 4.4 peratus.

Pada November lalu, syarikat perubatan mengumumkan hasil positif bagi beberapa vaksin selepas gelombang kedua kes menular seluruh dunia.

Dalam tempoh sebulan, suntikan pertama diberikan tetapi ketika itu, kira-kira 1.6 juta mangsa terkorban dengan AS muncul negara paling teruk terjejas.

Dunia juga digemparkan apabila komander tertinggi Iran, Qa-

sem Soleimani terbunuh dalam serangan dron AS di Iraq, pada 3 Januari lalu, beberapa hari selepas penunjuk perasaan pro-Iran menyerbu kedutaan AS di Baghdad.

Iran membalas dengan melancarkan tembakan peluru berpandu di pangkalan menempatkan tentera AS di Iraq. Pada hari sama, ia 'tersilap' menembak pesawat penumpang Ukraine sejour berlepas dari Tehran, mengorbankan 176 mangsa di dalamnya.

Ketegangan memuncak akhir November lalu, ketika saintis nuklear Iran, Mohsen Fakhrizadeh dibunuh, dengan Tehran menyalahkan Israel.

Britain menjadi negara pertama meninggalkan Kesatuan Eropah (EU), pada 31 Januari lalu, selepas referendum Brexit 2016.

Bagaimanapun, perbincangan penting mengenai hala tuju hubungan dan perdagangan dengan blok berlanjutan beberapa bulan, melepasi beberapa tarikh akhir ketika perunding cuba mengelakkan Brexit, pada 31 Disember.

AS dan Taliban menandatangani perjanjian di Doha pada 29 Februari lalu, dengan semua kuasa asing keluar dari Afghanistan menjelang Mei 2021, selepas hampir dua dekad peperangan.

Perbincangan antara Kerajaan Afghanistan dan pemberontak bermula pada September lalu, tetapi pertempuran terus berlanjutan dengan Taliban melancarkan serangan berterusan.

Pentagon dijadual membawa pulang 2,000 daripada 4,500 tentera AS dari negara itu pada 15 Januari depan.

Pembunuhan George Floyd, seorang warga Afrika-Amerika berusia 46 tahun, oleh pegawai polis berkulit putih pada 25 Mei lalu di Minneapolis mencetuskan tunjuk perasaan di seluruh AS dan memberi inspirasi kepada demonstrasi antiperkauman seluruh dunia.

Gerakan Black Lives Matter membawa kepada perdebatan mengenai bangsa dan merobohkan patung tokoh yang berkaitan dengan perhambaan atau penjajahan.

Pada Jun lalu, setahun selepas gelombang demonstrasi besar-besaran, China mengenakan undang-undang keselamatan baharu di Hong Kong dan pembangkang menyifatkan ia melemahkan kebebasan bandar semi-autonomi, yang dijanjikan ketika perjanjian penyerahan dari Britain, pada 1997.

Penggubal undang-undang prodemokrasi digulingkan, diganggu dan ditahan. Pada Disember, tiga aktivis terkemuka Hong Kong dipenjarakan, termasuk Joshua Wong.

Pelajar mencetuskan tunjuk perasaan prodemokrasi, Julai lalu, berlanjutan sepanjang tahun, menuntut perlembagaan baharu, pembaharuan monarki yang kebal, dan peletakan jawatan Perdana Menteri, Prayut Chan-O-Cha.

Letupan pada 4 Ogos lalu, me-

musnahkan sebahagian besar pelabuhan Beirut dan meranapkan kawasan ibu negara, mengorbankan lebih 200 orang dan mencederakan sekurang-kurangnya 6,500 mangsa.

Letupan akibat stok baja amonium nitrat melumpuhkan ekonomi Lubnan yang sudah merosot dan kredibiliti golongan pemerintah elitnya.

Kejadian kebakaran di seluruh Australia dikenali 'Black Summer', manakala San Francisco dan wilayah lain di Pantai Barat AS terjejas akibat kebakaran terbesarnya di negeri itu, September lalu.

Pada November lalu, dua taufan menghancurkan Amerika Tengah, mengorbankan lebih 200 mangsa.

Pengkritik Kremlin, Alexei Navalny diterbangkan ke Berlin dalam keadaan koma selepas jatuh sakit akibat minum teh ketika menaiki penerbangan ke Moscow. Ujian menunjukkan dia diracun dengan agen saraf era Soviet, Novichok. Navalny mendakwa Presiden Rusia, Vladimir Putin cuba membunuhnya.

Kemenangan Presiden Belarus, Alexander Lukashenko dalam pilihan raya pada 9 Ogos lalu, mencetuskan tunjuk perasaan antikerajaan selama empat bulan, yang tertumpu pada pesaing utamanya, Svetlana Tikhonovskaya. Pemimpin pembangkang dipenjarakan atau dibuang negeri.

Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Bahrain menormalisasikan hubungan dengan Israel pada 15 September lalu, dan rakyat Palestin menentang tindakan itu selain disifatkan sebagai 'tikam belakang'.

Bulan berikutnya, Trump mengumumkan penggabungan bersama Sudan, manakala pada November lalu, laporan tidak sahkan berhubung kunjungan rahsia Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu ke Arab Saudi mencetuskan spekulasi negara itu akan turut mengikut langkah sama.

Dalam perkembangan lain, Maghribi 'menyambung semula hubungan' dengan Israel, pada 10 Disember lalu, sebagai balasan kerana AS mengakui tuntutan terhadap Sahara Barat.

Tahun ini juga menyaksikan hubungan AS-China menjumuk apabila Trump mendakwa COVID-19 sebagai 'virus China' dan menuduh Beijing bertanggungjawab untuk pembunuhan besar-besaran di seluruh dunia.

Mereka juga bertengkar ekoran penindasan minoriti Uighur, berbahasa Turki di wilayah Xinjiang dan undang-undang keselamatan nasional dikenakan ke atas Hong Kong.

Rakyat Amerika mengundi dalam jumlah besar pada pilihan raya presiden antara calon Republikan, Trump dan calon Demokrat, Biden, November lalu. AFP



AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEGARA

Sasha, suami terima suntikan vaksin Covid-19 di UAE



SASHA (kiri) dan suaminya, Sirhan mendakwa telah menerima suntikan vaksin Covid-19 di UAE pada Khamis lalu.

Berita Selebriti

PETALING JAYA – Penyanyi dan pelakon, Sasha Saidin mendakwa menjadi rakyat Malaysia pertama yang mendapat suntikan virus vaksin Covid-19.

Dakwa Sasha, dia dan suaminya, Sirhan Wahab mendapat suntikan jenis *sinopharm* di Emiriyah Arab Bersatu (UAE) pada Khamis lalu.

Dalam perkongsian di Instagramnya, Sasha mendakwa, empat hari selepas mengambil suntikan vaksin, dia dan suami berada dalam keadaan baik dan menjalani rutin kehidupan seha-

rian seperti biasa.

"Kami juga tidak mengalami sebarang demam, loya atau sebarang alergik yang ada kaitan dengan pengambilan vaksin," tulisnya dalam satu perkongsian Instagram semalam.

Kata Sasha, dia dan suaminya mengambil keputusan untuk menyuntik vaksin itu yang mempunyai keberkesanan sebanyak 86 peratus selepas mendengar khabar tentang mutasi terbaharu Covid-19.

"Kami dimaklumkan pihak kesihatan di pusat vaksinasi bahawa vaksin tersebut telah selesai pada peringkat percubaan di UAE pada Ogos lalu dan menda- pat keputusan memuaskan," kata

anggota kumpulan Elite itu.

Sebelum disuntik, Sasha dan suaminya telah ditanya beberapa soalan mengenai alahan dan kesihatan mereka sebelum mengambil suntikan vaksin tersebut.

"Saya nasihatkan kepada semua supaya buat kajian terlebih dahulu sebelum mengambil sesuatu vaksin," jelas kakak pelakon Zain Saidin itu yang kini menetap di UAE selepas menikahi Sirhan pada Januari 2020.

Dalam pada itu, Sasha juga turut mengucapkan penghargaan kepada kerajaan UAE kerana memberikan vaksin tersebut secara percuma tanpa mengira warna kulit, bangsa dan agama.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Penularan harian mencatatkan 2,335 kes, pertambahan 11 kluster

Negara rekod kes baharu tertinggi

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Negara sekali lagi merekodkan kes harian Covid-19 melebihi 2,000 kes semalam selepas mencatatkan 2,335 kes sekali gus tertinggi sejak Malaysia dilanda pandemik itu.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Kuala Lumpur melaporkan kes harian tertinggi sebanyak 728 kes dengan 677 daripadanya adalah daripada kluster dan saringan kontrak rapat yang aktif di lapangan.

Beliau berkata, Selangor dan Johor melaporkan kes kedua dan ketiga tertinggi dalam negara masing-masing sebanyak 710 dan 412 kes.

"Sebanyak 59 kluster melaporkan pertambahan kes baharu dengan kes tertinggi adalah Kluster Tapak Bina Jalan Seng dengan 232 kes, Kluster Tampoi Jaya (218) dan Kluster Penjara Jalan Harapan (156).

"Kluster Tapak Bina Jalan Seng ialah antara 11 kluster baharu yang dikesan hari ini (semalam) melalui saringan bersasar di sebuah tapak binaan di Kuala Lumpur selepas kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif pada 25 Disember lalu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, kluster baharu iaitu Kluster Pagar Siput



BEBERAPA kakitangan KKM bertugas di kawasan asrama pekerja Westlite di Johor Bahru semalam.

yang melibatkan daerah Kota Tinggi, Johor turut melaporkan antara kes jangkitan tinggi dengan 129 menerusi saringan bergejala.

Beliau berkata, seterusnya adalah Kluster Plastik Subang melibatkan daerah Petaling dan Klang, Selangor yang melaporkan 111 kes positif melalui saringan bersasar di sebuah kilang.

"Kluster Halban melibatkan daerah Kota Bharu, Kelantan melaporkan 29 kes positif selepas kes indeks dikesan melalui saringan kontak rapat, manakala

Kluster Seragam Chepa melibatkan daerah Kota Bharu, Bachok dan Tumpat dengan 13 kes.

"Kluster Lis Putih dan Sentosa Residensi pula masing-masing melibatkan daerah Barat Daya dan Timur Laut, Pulau Pinang dengan 24 dan 18 kes positif yang dikesan menerusi kes jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) dan saringan bergejala," katanya.

Beliau berkata, Kluster Pagar Bentong pula melibatkan daerah Bentong, Pahang dengan 13 kes dikesan melalui saringan tahunan manakala Kluster Semam-

bu ialah kluster tempat kerja melibatkan daerah Kuantan selepas kes indeks iaitu pekerja sebuah pasar raya positif Covid-19 pada 17 Disember lalu melalui saringan individu bergejala dan menjangkiti 11 yang lain.

"Seterusnya saringan bersasar di sebuah kilang mengesan satu lagi kluster tempat kerja iaitu Kluster Jalan Asam melibatkan daerah Petaling dan Klang di Selangor dengan 13 kes positif.

"Kluster ke-11 ialah Kluster Sungai Redan melibatkan daerah Kluang dan Kota Tinggi di Johor



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	2,335
Import: 11 Tempatan: 2,324	
• Pulih	874
• Kematian	2
• Masih dirawat	20,035
• Jumlah kes sembuh	83,414
• Jumlah Kematian	451
Jumlah kes keseluruhan	103,900

selepas kes indeks iaitu kes SARI positif pada 23 Disember lalu sebelum mengesan 11 kes positif," katanya.

Noor Hisham berkata, dua lagi kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan membabitkan warganegara dengan kes ke-450 melibatkan wanita berusia 44 tahun di mana jenazah mangsa dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

"Kematian ke-451 dilaporkan di Hospital Melaka melibatkan seorang lelaki berusia 70 tahun dengan latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan *Benign Prostatic Hypertrophy*," katanya.

Kes positif libat pekerja kilang di Johor makin meningkat

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU – Peningkatan kes positif Covid-19 di negeri ini yang meningkat kepada 205 kes kelmarin berlaku melibatkan pekerja kilang dan kawasan perindustrian.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R. Vidyantathan berkata, daripada 205 kes baharu, 153 kes adalah kluster sedia ada, 37 kes saringan kontak rapat dan 15 kes daripada lain-lain saringan Covid-19.

Katanya, kes kumulatif Covid-19 yang dilaporkan adalah sebanyak 4,026 kes dengan 2,165 kes telah pulih manakala 1,829 kes yang aktif telah pun diasingkan dan diberi rawatan.

"Kebelakangan ini, terdapat



VIDYANTATHAN

peningkatan kes yang melibatkan pekerja kilang dan kawasan perindustrian. Oleh itu, diharapkan agar pihak majikan dan pekerja mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi memutuskan rantaian jangkitan.

"Pematuhan SOP merupakan

tanggungjawab pekerja dan majikan. Majikan juga diingatkan agar memberi kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan Kesihatan serta agensi yang terlibat dalam membendung penularan Covid-19," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di asrama pekerja Westlite, Taman Perindustrian Tampoi Jaya, susulan peningkatan kes Covid-19 yang dilaporkan.

Katanya, PKPD ini akan berkuat kuasa bermula semalam sehingga 8 Januari depan susulan terdapat 115 kes positif daripada 3,116 penghuni di asrama tersebut.

PKPD di lokaliti Batu Uban ditamatkan

KUALA LUMPUR – Kerajaan menamatkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Flat Desa Bistari, Batu Uban di Pulau Pinang semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) sudah selesai melaksanakan saringan ke atas semua penduduk di lokaliti tersebut.

"Keputusan penamatan PKPD lebih awal bagi lokaliti itu selepas KKM tiada lagi sampel yang menunggu keputusan.

"KKM turut mengesahkan baki kes positif Covid-19 di lokaliti ini terkawal dan menunjukkan trend penurunan," katanya dalam kenyataan semalam.

PKPD di Blok A dan B Flat Desa Bistari dikuatkuasakan bermula 7 Disember lalu dan dijangka tamat pada 31 Disember ini.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, polis menahan 1,002 individu kerana ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan 687 individu terbabit dengan aktiviti pusat hiburan.

"Seramai 854 individu dikenakan kompaun, manakala 148 individu lagi direman.

"Antara kesalahan PKP termasuk aktiviti pusat hiburan (687), gagal mematuhi arahan penjarakan fizikal (125), tidak memakai pelitup muka (69), gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (63) dan lain-lain (58)," katanya.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA



SEORANG pekerja asing melihat pagar kawat duri yang dipasang di asrama pekerja Westlite di Taman Perindustrian Tampoi Jaya, Johor Bahru berikutan pelaksanaan PKPD.

3,116 warga asing 'dikurung' 14 hari

Oleh RAJA JAAFAR ALI

JOHOR BAHRU – Asrama pekerja Westlite di Taman Perindustrian Tampoi Indah Jaya di sini dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula semalam hingga 8 Januari depan.

PKPD dilaksanakan di kawasan penempatan itu berikutan terdapat seramai 115 orang daripada 3,116 penghuni didapati positif dengan kesemuanya pekerja warga asing.

Tinjauan Kosmo! Ahad di asra-

ma tersebut mendapati kawasan itu dipasang kawat duri bagi menghalang penghuni asrama meloloskan diri dari lokasi PKPD.

Kelmarin, kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Pekerja Westlite, Johor Bahru, Johor bermula semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, lokaliti yang terletak di Taman Perindustrian Tampoi Jaya itu dikenakan PKPD sehingga 8 Januari ini.

Bagaimanapun pelaksanaan PKPD di kawasan ini hanya melibatkan 231 unit kediaman dengan anggaran jumlah penghuni seramai 3,116.

Langkah itu susulan laporan Kementerian Kesihatan yang merekodkan ada berlaku peningkatan kes positif Covid-19 secara mendadak di sekitar asrama berkenaan.

Malah, ujian saringan dalam masa tiga hari bermula 21 Disember lalu mendapati seramai 115 pekerja warga asing yang menghuni asrama berkenaan positif Covid-19.

Seorang kakitangan LRT positif Covid-19

PETALING JAYA – Seorang pegawai stesen Transit Aliran Ringan (LRT) yang bertugas di Stesen Bandaraya, Kuala Lumpur disahkan positif Covid-19 pada Khamis lalu.

Rapid Rail dalam satu kenyataan berkata, kakitangan tersebut kini sedang menjalani rawatan di Hospital Sungai Buloh, Selangor.

"Pesakit bertugas kali terakhir pada 19 Disember lalu. Siasatan mendapati insiden berlaku di kawasan tertutup dan pegawai stesen berkenaan tidak mempunyai kontak dengan para penumpang ketika bertugas.

